



GEREJA KRISTUS LIKAS

Mengenal dan Memperkenalkan Kristus

Bisyop: Bisyop Datuk Meller Jiki Tais

Rektor: Archdekan Moses Chin



Hubung

P.O. Box 18510, Pejabat Pos Besar Kota Kinabalu,
88670 Kota Kinabalu, Sabah

Pejabat: 088-426312, 213220 | Mudah alih: 019-6611558

<http://christchurchlikas.org/> | cclikas@gmail.com

Minggu Trinititi- 26 Mei 2024

Doa Hari Ini

Allah Mahakuasa dan kekal, Engkau telah menyatakan diri-Mu sebagai Bapa, Anak dan Roh Kudus, dan hidup dan memerintah dalam kesatuan kasih yang sempurna. Teguhkan kami dalam kepercayaan ini, supaya kami mengenal Engkau di dalam segala jalan-Mu dan sentiasa bersukacita di dalam kemuliaan-Mu yang kekal, yang adalah tiga peribadi dalam wujud Allah yang Esa, sekarang dan selamanya. Amin

Allah bagi kita

Allah Bapa, Anak &
Roh Kudus bekerja
bersama-sama
untuk keselamatan
kekal kita.

Kebaktian BM disiarkan **secara langsung, 11:30 pagi.:**

- YouTube: <https://www.youtube.com/>

[@christchurchlikas/streams](https://www.youtube.com/@christchurchlikas/streams)

Selamat datang ke dalam perkumpulan umat Tuhan.
Kita bersama-sama beribadah kepada Tuhan Yesus yang telah bangkit
dan mendorong satu sama lain untuk mentaati-Nya.

1. MINGGU TRINITI

Orang Kristian beriman kepada 'Allah Bapa, Allah Anak dan Allah Roh Kudus'. Kepercayaan ini adalah asas Kekristianan dan pengalaman dasar bagi kehidupan orang Kristian. Kita berdoa secara terus kepada Bapa, dengan kuasa Roh Kudus, dalam nama Yesus, Putera-Nya.

Hari ini, pada Minggu Trinititi, kita mengesahkan iman kepercayaan ini dan berdoa 'semoga kasih karunia Tuhan Yesus Kristus, dan kasih Allah (Bapa) dan persekutuan Roh Kudus; menyertai kamu sekalian', 2 Kor 13:13.

2. KESYUKURAN PENUAIAN

'Berikanlah kami pada hari ini makanan kami yang secukupnya'. Kita bersyukur kepada Tuhan yang baik di atas kelimpahan sumber makanan di negeri kita. Semoga kita belajar untuk berkongsi; dan tidak membazir.

Petang ini, di Pavilion, pada pukul 1:00 petang - kita meraikan kebaikan Tuhan dan kegembiraan menjadi bahagian dalam keluarga-Nya. Datanglah untuk sertai persekutuan makan tengah hari juadah hidangan etnik; diikuti dengan pelbagai persembahan tarian kebudayaan. Antaranya ialah Kadazan, Dusun, Murut, Sungai, Rungus, Toraja dan Filipino. Semua jemaat dialu-alukan. Ajak juga kawan-kawan anda.



3. KONFERENSI MUDA-MUDI DIOSIS

Muda-mudi Cina & Inggeris kita, sekitar 40 orang, akan bertolak pada pukul 10:30 malam esok untuk perjalanan semalaman ke Tawau bagi menyertai konferensi muda-mudi; yang bermula pada hari Selasa. Hampir 500 orang muda-mudi telah mendaftar. Berdoalah agar anak-anak muda dapat memberikan respon positif terhadap pekerjaan besar Roh Kudus. Muda-mudi kita dijadualkan untuk kembali pada hari Jumaat. Berdoalah untuk perlindungan dan keselamatan perjalanan.

4. BAZAR DI GEREJA MANGGATAL

3 Jun, 8:00 pagi-4:00 petang - bazar kutipan dana Gereja Manggatal. Kunjungi deretan gerai tersedia - makanan, tumbuhan, alat, deko, dll. Kupon dijual. Beli untuk diri sendiri dan rakan-rakan anda. Atau anda mungkin ingin membuka gerai sendiri di sana. Sebarang maklumat sila berurusan di meja informasi.



7. BERTUMBUH SEBAGAI MURID-MURID YESUS

'Jom Ke Sel'. Salah satu cara yang paling berkesan untuk berkembang dalam

iman Kristian kita adalah dalam konteks sekumpulan kecil orang percaya yang berkumpul bersama. Beberapa kumpulan sel tersedia:

- Kaum Bapa - untuk pria. hubungi: Pak Johnny
- Sel Likas - zon Likas; Selasa, 8 mlm; hubungi: Sdr. Krisde
- Sel Sunny Garden - zon Likas; Jumaat, 8 mlm; hubungi: Sdr. Elisa
- Sel Kolombong - zon Likas; Jumaat, 8 mlm; hubungi: Ibu Imelda
- Sel Pulutan - zon Pulutan; Khamis, 8 mlm; hubungi: Pak Johnny
- Sel Inanam - zon Pulutan; Rabu, 8 mlm; hubungi: Ibu Marysta
- Sel Kalansanan - zon Pulutan; Jumaat, 8 mlm; hubungi: Pak Anda
- Sel Manggatal - zon Manggatal; Sabtu, 8 mlm; hubungi: Ibu Albertin
- Sel Gudon - zon Manggatal; Rabu, 8 mlm; hubungi: Ibu Hermin
- Sel Bantayan - zon Manggatal; Khamis, 8 mlm; hubungi: Ibu Maria
- Sel Keliangau - zon Manggatal; Jumaat, 8 mlm; hubungi: Ibu Albertin
- SOMA Sr. - belia; sebulan, 2 kali, selang-seli; hubungi: Sdr. Syahbir
- SOMA Jr. - Muda-mudi; setiap Jumaat, 7:30 mlm; hubungi Ps. Andy
- Pelayanan Kampus - pelajar IPTA/IPTS; hubungi: Ps. Andy
- Pelita Kecil - kanak-kanak; setiap Sabtu, 2 ptg; hubungi Sdr. Kinan

Sila tanya butiran terperinci di Meja info jemaat kami. Terdapat juga kumpulan lain yang dijalankan dalam bahasa Cina dan dalam Inggeris.

6. PELAYANAN-PELAYANAN LAIN

- **Gubahan bunga** hari ini disumbangkan oleh Jeffrey & Florence sebagai tanda kesyukuran.
- **Sekolah St. Agnes** - pendaftaran untuk kemasukan Darjah 1, 2025, kini dibuka. Sila daftar di sekolah.

7. UNTUK DIDOAKAN & DISERTAI

- 30 Mei-2 Jun - **Khemah Kanak-kanak**, Seria, Brunei. Ps. Margaret sebagai penceramahnyanya; dibantu oleh Adriene Chen.
- 18-20 Jun - **Retret kaum Lelaki**, Telupid. Tarikh tutup pendaftaran: 3 Jun.
- 8-10 Julai - **Retret warga Emas BC & BI**, Sandakan.

8. TAKZIAH

- Kepada keluarga Chong Su Yun, 94 tahun yang telah meninggal dunia pada 23 Mei lepas. Dia adalah salah satu penghuni di ARK. Berdoa untuk keluarga yang ditinggalkan;
- Kepada keluarga Pn. Kamlesh Rajaintharan, 80 tahun, yang juga telah meninggal dunia pada 23 Mei lepas. Sokong dalam doa buat Dr. Sandhy, Dr. George dan Jonathan.

UNTUK PEMBERIAN DALAM TALIAN

RHB Bank | 2-10103-0001913-1

Christ Church Likas

Boost: <https://myboost.app.link/FPvG94VIT4>



Minggu Triniti

Menjadi anak-anak Allah

“Roh itu bersaksi bersama-sama dengan roh kita, bahwa kita adalah anak-anak Allah.” - Roma 8:16

Pendahuluan

- Janji Yesus - Yohanes 16:6-7 ; Kis 1:8
- Peranan Roh Kudus - Roma 8:14-15

Apa yang dimiliki sebagai anak-anak Allah?

1. **Menerima Janji-janji Allah**

Roma 8:17a

Dan jika kita adalah anak, maka kita juga adalah ahli waris, maksudnya orang-orang yang berhak menerima janji-janji Allah.

2. **Menderita Bersama Yesus**

Roma 8:17b

Yang akan menerimanya bersama-sama dengan Kristus, yaitu jika kita menderita bersama-sama dengan Dia, supaya kita juga dipermuliakan bersama-sama dengan Dia.

Soalan perbincangan

1. Berapa orang dalam keluarga anda sendiri dan dalam keluarga besar anda? Ingatkah kesemua nama mereka, hari lahir mereka, hobi mereka, yang disukai dan tidak disukai mereka? Berapa banyak perbezaan perwatakan bagi setiap ahli keluarga tersebut?
2. Baca Roma 8:15. Apakah yang kita terima daripada Roh? Apakah gelar atau yang kita sebut kepada Tuhan sekarang? Bagaimanakah Doa Bapa Kami bermula?
3. Baca Roma 8:17 – Sebagai anak-anak Tuhan, bagaimanakah kita dalam Kristus? Bagaimanakah kita boleh mengambil bahagian dalam penderitaan dan kemuliaan-Nya kerana kita adalah pewaris Tuhan dan ahli waris bersama Kristus?

UNTUK DIDOAKAN

Negeri kita yang tercinta

- berdoa untuk perayaan pesta menuai di sepanjang minggu
[untuk kedamaian dan kemakmuran bagi semua orang yang tinggal di negeri ini]

Anak-anak muda kita yang dikasihi

- untuk konferensi muda-mudi BC & BI di Tawau, bermula Selasa ini
[berdoa untuk perjalanan yang selamat dan masa bermakna bersama-sama]

Diri sendiri

- untuk hati yang bersyukur kepada Allah atas rezeki yang melimpah-ruah
[berdoa untuk masa berkualiti bersama keluarga semasa tempoh cuti ini]

- berdoa untuk mereka yang dalam kelemahan tubuh, minda atau rohani; dan untuk 5 sahabat kita. Namakan mereka dalam doa anda.